

Zuraida berkata, London misalnya merupakan bandaraya maju dan sehubungan itu pencapaiannya sebagai bandar maju adalah lebih hebat.

"Kita juga sedang menuju ke arah itu. Kita mahu menjadi lebih digital, menggunakan lebih banyak lampu diod pemancar cahaya (LED), menggunakan pengurusan data, meningkatkan kelajuan wifi dan mengurangkan trafik," kata Zuraida.

Sementara itu, ditanya mengenai peruntukan kepada kementerian berkenaan bagi belanjawan akan datang, Zuraida berkata perkara itu belum dimuktamadkan.

Terdahulu, pada majlis yang sama, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) berkata kerajaan akan melancarkan Majlis Bandar Pintar di bawah Rangka Kerja Pembangunan Bandar Pintar Malaysia 2018-2025 menjelang akhir tahun ini.

Rangka kerja itu mengadakan syor atau cadangan kepada 13 ketua menteri dan menteri besar ke arah mewujudkan bandar pintar yang sesuai didiami, boleh kerja dan mampan.

Majlis tersebut menggariskan 78 penunjuk di bawah rangka kerja berkenaan. - BERNAMA